

**MAJLIS PELANCARAN PERAYAAN 100 TAHUN ELEKTRIK DI MALAYSIA
(TEKS DIBACA OLEH Y.B. DATUK SAMY VELLU, MEN. TENAGA, TELEKOM
DAN POS.)**

PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC), KUALA LUMPUR, 3 SEPTEMBER
1994

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kerana menjemput saya untuk merasmikan Pelancaran Perayaan 100 Tahun Elektrik di Malaysia, Buku Sejarah Elektrik dan Buku Kanun Grid Elektrik pada malam ini.

2. Tenaga elektrik adalah antara penemuan terbesar di zaman ini. Penciptaan tenaga elektrik telah merevolusikan proses pengeluaran dan menukarkan cara kehidupan kita sehingga ianya menjadi satu keperluan dan tidak lagi satu kemewahan. Bahkan tahap penggunaan tenaga elektrik kini juga sudah menjadi satu indikator untuk mengukur tahap pembangunan ekonomi sesebuah negara.

3. Di Malaysia, sektor elektrik telah berkembang dengan pesat sehinggalah menjadi satu industri berbillion-billion ringgit dan menggunakan 'state of the art technologies'. Pertumbuhan sektor elektrik telah berjalan sama seiring dengan pembangunan pesat ekonomi negara. Sektor tenaga amnya dan elektrik khususnya telah memainkan peranan yang penting dalam peningkatan pertumbuhan perindustrian di negara ini. Permintaan semasa bekalan elektrik sebanyak 6,000 mw dijangka mencecah 35,000 mw menjelang tahun 2020. Satu implikasi daripada pertumbuhan sektor ini ialah pelaburan bernilai hampir RM100 ribu juta diperlukan untuk penjanaan dan penghantaran elektrik ke seluruh negara. Demi menjamin pertumbuhan ekonomi negara secara berterusan sumber-sumber tenaga bagi penjanaan elektrik perlu dirancang secara efektif supaya bekalan tidak terputus.

4. Antara cabaran penting yang perlu dihadapi ialah memastikan supaya sumber-sumber tenaga bagi industri ini mencukupi dan 'reliable'. Bahan-bahan bakar fosil yang semakin berkurangan akan bertambah mahal apabila ianya semakin lupus. Di samping itu, tenaga yang boleh dibaharui ataupun 'renewable energy' adalah juga terhad dan usaha-usaha untuk memperolehi tenaga daripada sumber sedemikian memerlukan perbelanjaan yang besar. Tanpa perancangan yang rapi, bekalan elektrik mungkin akan terjejas dan ini akan menghalang proses industrialisasi negara.

5. Dengan pembangunan yang pesat, permintaan bagi elektrik semakin meningkat di sektor seperti pengangkutan, industri dan rumah-rumah. Di samping menghadapi permintaan bekalan elektrik yang meningkat, pertumbuhan 'precision industries' akan memerlukan bekalan elektrik yang berkualiti, iaitu yang tidak

terputus walaupun buat sesaat dan voltagenya tetap di paras yang ditentukan.

6. Bagi memastikan negara memperolehi bekalan yang berterusan, 'reliable' dengan harga yang berpatutan, Kerajaan telah memperkenalkan persaingan serta meliberalkan sektor elektrik terutamanya dalam bidang penjanaan. Sebanyak enam pengeluar kuasa bebas (IPP) telah dilesenkan. Apabila beroperasi sepenuhnya menjelang tahun 1996/97, IPP-IPP tersebut akan menyumbang secara bersama 4,000 mw dengan pelaburan berjumlah RM9 ribu juta.

7. Melalui proses 'liberalisation' sektor elektrik ini, Kerajaan akan terus memastikan wujudnya satu rangka kawalselia yang berkesan. Ini bagi menentukan pelbagai peraturan dan kod yang bersesuaian adalah efisien dan 'reliable'. Juga dengan pelancaran Kanun Grid Malaysia, ianya diharapkan akan dapat memperkukuhkan segala peraturan dan garis panduan mengenai perancangan, operasi dan penyelenggaraan bagi 'complex interconnected power supply systems'.

8. Sebagai 'regulator', Kerajaan akan pastikan bahawa kedua-dua aspek penawaran dan permintaan sewajarnya diberi penekanan. Sementara aspek penawaran diberi tumpuan secukupnya, aspek permintaan juga memerlukan perhatian. Persoalan utama ialah mengenai isu penggunaan tenaga elektrik yang efisien. Tujuan penggunaan secara efisien ialah untuk mengurangkan kos tenaga elektrik bagi sesuatu perusahaan, yang mana ini akan mengurangkan kos pengeluaran dan membantu meningkatkan lagi daya saingan barangan dan perkhidmatan Malaysia. Sebaliknya penggunaan elektrik hendaklah ditingkatkan supaya industri keluaran dan penyaluran elektrik akan lebih maju. Sebab itulah Kerajaan merancang menggunakan kuasa elektrik untuk perkhidmatan keretapi. Sebenarnya jika kos elektrik dapat dikurangkan, penggunaan lampu elektrik boleh ditambah supaya bandar dan desa menjadi lebih cerah. Penggunaan elektrik per kapita mencerminkan kemajuan negara. Lebih banyak ianya digunakan dengan efisien, lebih majulah negara.

9. Peluang bagi penjimatan tenaga khususnya di dalam sektor industri adalah sangat besar. Kajian yang dijalankan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos menunjukkan bahawa peluang penjimatan adalah sekitar 20 peratus hingga 52 peratus bagi seluruh rangkaian industri di negara ini. Peluang tertinggi bagi penjimatan adalah di dalam industri pengeluaran makanan diikuti dengan kayu dan tekstil. Jika industri-industri ini lebih efisien dalam penggunaan elektrik, keuntungan mereka akan meningkat.

10. Sementara itu, peraturan-peraturan untuk memastikan 'efficient use of energy' adalah perlu.

11. Kajian-kajian sewajarnya hendaklah dijalankan untuk memastikan peluang-peluang penjimatan tenaga di dalam sektor-sektor lain termasuk perdagangan dan kediaman. Utiliti-utiliti utama seperti Tenaga Nasional Berhad perlu menolong meningkatkan penggunaan elektrik secara efisien supaya penggunaan elektrik dapat dijimatkan dengan lebih banyak lagi. Demikian juga agensi-agensi Kerajaan perlu menolong usaha meningkatkan penggunaan elektrik secara efisien untuk menjadikan negara lebih produktif.

12. Setakat ini bahan-bahan bakar dan kuasa penjana yang utama bagi elektrik adalah bahanapi minyak. Walau bagaimanapun, sumbangan bahanapi minyak di dalam 'generation mix' akan berkurangan secara drastik daripada 54 peratus pada masa kini kepada 3 peratus pada tahun 2000. Pada masa yang sama, sumbangan gas akan meningkat daripada 19 peratus masakini kepada 70 peratus menjelang tahun 2000. Penggantian kepada gas di dalam sektor elektrik mempunyai beberapa implikasi positif. Pertama, gas adalah sumber tenaga yang lebih efisien berbanding dengan bahanapi minyak. Kedua, penggunaan gas mempunyai impak alam sekitar yang rendah daripada segi pengeluaran sisa-sisa daripada loji-loji kuasa.

13. Penyediaan bekalan elektrik yang tinggi memerlukan tenaga manusia terlatih yang ramai. Pembangunan tenaga manusia melalui latihan adalah satu pra syarat penting dalam menjamin pembangunan teknologi yang canggih. Sewajarnya, satu peningkatan daripada segi kualiti tenaga manusia yang saintifik dan teknikal harus diwujudkan.

14. Sektor elektrik adalah satu bidang sektor ekonomi yang besar dan penting di mana dijangka pelaburan-pelaburan akan melebihi RM100 billion dalam 20 tahun akan datang. Dengan ini maka terbukalah peluang-peluang bukan sahaja berkaitan dengan kerja-kerja pembangunan penjana, penghantaran dan pengagihan, malah dalam bidang pengeluaran peralatan elektrik seperti alatubah-alatubah, suisgiar-suisgiar, kabel-kabel dan konduktor-konduktor.

15. Sempena perayaan 100 tahun elektrik di Malaysia saya berharap pihak-pihak yang terlibat akan berazam untuk memperolehi cara-cara yang terbaru dan radikal dalam penjana dan kegunaan elektrik.

16. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Perayaan 100 Tahun Elektrik di Malaysia, Buku Sejarah Elektrik dan juga melancarkan Buku Kanun Grid Elektrik.

